

28/07/2002

Ada baiknya juga jadi selebriti ni ...

KETIKA catatan ini ditulis, penyampai sukan paling glamour, Ras Adiba Radzi sudah berada di Australia kerana menjalani rawatan sakit tulang belakang yang dialaminya sejak sekian lama. Akhirnya, doa Dib dan keluarganya dimakmulkan Tuhan. Alhamdulillah. Teman dan suku sakat berdoa agar Dib cepat sembuh dan dapat berjalan semula seperti sedia kala.

Sebagai rakan seperjuangan, teman turut bersimpati dengan malang yang menimpanya. Tak siapa menduga bahawa nahas yang berlaku lima tahun lalu itu akan membuatkan wanita tinggi lampai itu lumpuh dari bahagian pinggang ke bawah. Hakikatnya, peristiwa itu boleh berlaku kepada sesiapa jua justeru ia membuka mata banyak pihak lantas mahu berbuat sesuatu bagi membantu Dib.

Sebenarnya sebaik saja Bintang Popular dan kemudiannya diikuti Harian Metro menulis mengenai masalah yang dihadapi Dib, teman dihujani panggilan telefon daripada kalangan dalam industri hiburan yang bersimpati dengan nasib malang yang menimpanya. Ramai yang menyampaikan hasrat mereka untuk mengadakan konsert amal untuk membantu mengutip wang RM300,000 yang diperlukannya.

Ketika itu teman mendengar saja hasrat murni mereka itu kerana sebenarnya hati teman berdetik bahawa Dib tidak akan menghadapi masalah untuk mengumpul wang sebanyak itu. Benar sungguhlah gerak hati teman kerana dalam masa tidak sampai dua minggu dia berjaya mengumpul lebih daripada yang diperlukan.

Justeru, kalau ada orang yang bertanya teman siapakah wanita paling bertuah sekali di Malaysia ketika ini, jawapannya adalah Ras Adiba Radzi - seorang wanita yang memulakan kerjaya sebagai wardrobe girl di TV3 dan kemudiannya sebagai pembaca berita dan penyampai sukan yang rupa-rupanya juga cenderung di bidang seni puisi dan seni suara.

Apabila saban hari muka asyik keluar tv, Dib semakin popular sehingga termasuk dalam lingkungan selebriti. Mengikut satu laporan, seorang VVIP sanggup menunggu kedatangan the glamorous broadcast journalist itu sebelum memulakan sidang akhbar. Ada satu ketika, sebagai mana Dib memburu berita, dia juga diburu untuk dijadikan berita.

Rupa-rupanya ada hikmahnya juga jadi selebriti ni. Sejak berita penderitaannya mendapat liputan media, maka ramailah yang menghulurkan derma. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pun sudi meluangkan masa sedangkan kita tahu betapa sibuk agenda politiknya.

Umum tahu, hari itu ada pilihan raya kecil di Pendang dan Anak Bukit. Teman memang mengagumi sikap PM itu. Pada masa yang sama tetapi teman tabik spring kat Dib. Barangkali, ia juga disebabkan personaliti Dib sendiri yang mudah mesra dan disenangi ramai. Tetapi teman amat berharap agar tidak ada orang yang akan menanggung di air keruh.

Bagaimanapun, seperti banyaknya pihak yang bersimpati dengan nasibnya itu, ada jugalah yang mempersoalkan keadaan kewangan Dib yang sebenarnya. Ia timbul apabila dalam satu temuramah dengan sebuah akhbar Inggeris, Dib berkata perkara pertama yang akan dilakukannya apabila sembuh ialah menggilap motosikal Harley Davidson yang dihadiahkan oleh seorang kerabat diraja Johor.

"Kenapa tak jual saja motosikal itu kalau benar-benar tak cukup duit!" komen seorang pembaca Bintang Popular. Teman tak mahu campur tangan dalam soal ini kerana kita tidak berada di tempatnya. Orang kata, berat mata memandang berat lagi bahu yang memikulnya. Dalam keadaan dirinya yang

dulunya cergas tetapi kini terlantar di atas katil dan berjalan menggunakan kerusi roda, banyak perkara yang menghantui dirinya. "Aku nak buat itu, aku nak buat ini. Tetapi sekarang aku tak boleh buat apa-apa!" Memang trauma...

Seperti komen seseorang, "Barangkali itulah perkara pertama yang terlintas di fikirannya ketika itu. Ya... ketika saya melawatnya dulu, apabila ditanya apakah perkara pertama yang mahu dilakukannya apabila sembuh, Dib dengan selamba menjawab nak makan aiskrim."

Itulah Ras Adiba Radzi, seorang wartawan penyiaran, penyajak dan penyampai berita sukan yang teman kagumi semangat wajanya. Kisahnya itu membuatkan teman berfikir seketika, kalaulah Ras Adiba itu tidak termasuk dalam golongan selebriti adakah begitu melimpah ruah simpati dan derma orang ramai? Emmm... siapa kata tak ada baiknya jadi selebriti ini! - hanizam@bharian.com.my